



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU JURURAWAT (BIDANG PERBIDANAN) (M.4-5 EB.6)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEMBANTU JURURAWAT (BIDANG PERBIDANAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.4-5 EB.6 (\$930 - \$1,850 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA PULUH (20)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Sijil Pembantu Jururawat (Perbidanan) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
2. Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board for Brunei*) atau mana-mana Lembaga yang diiktiraf oleh Kerajaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan tugas-tugas berdasarkan garis panduan dan tatacara perawatan perbidanan;
2. Melaksanakan jagaan dan perawatan ke atas wanita atau ibu mengandung serta anak damitnya mengikut pelan jagaan perbidanan yang teratur, selamat dan bersistematik;
3. Mendokumenkan kemajuan dan melapor kepada Jururawat (Perbidanan) yang kanan tentang *abnormal findings* atau kesan sampingan ke atas wanita atau ibu mengandung serta anak damitnya;
4. Memberi perhatian khusus kepada wanita atau ibu mengandung serta anak damitnya dari segi keperluan fizikal dan *psychosocial*;
5. Memberi nasihat dan pendidikan kesihatan kepada wanita atau ibu mengandung serta keluarga mengenai persediaan yang diperlukan semasa mengandung, bersalin dan dalam pantang;
6. Bertanggungjawab memberi rawatan asas kecemasan perbidanan kepada wanita, ibu dan anak damitnya sebelum ketibaan doktor;
7. Membantu Pegawai Perbidanan yang kanan, Pegawai Obstetrik dan Ginekologi, Pegawai Perubatan atau Doktor Pediatrik semasa menjalankan pemeriksaan terhadap wanita, ibu dan anak damit;



8. Membuat persediaan untuk *ward round* dan memberi maklumat tentang pemerhatian dan kemajuan perawatan ke atas wanita, ibu dan anak damit;
9. Membuat pemeriksaan dan pengawasan ke atas perkembangan kandungan bagi ibu-ibu mengandung;
10. Membantu semasa melahirkan (*conduct delivery*) dengan diawasi oleh Jururawat (Perbidanan) yang lebih kanan bagi memastikan keselamatan ibu dan anak damitnya semasa kelahiran; dan
11. Memberi bantuan dan tunjuk ajar kepada ibu bagi penyusuan susu ibu yang berkesan.